Praktis Lanjutan 1

1. Penggunaan suntikan tertentu untuk membantu menurunkan berat badan semakin mendapat perhatian. Suntikan ini dapat mempengaruhi hormon yang terlibat dalam kawalan selera makan dan aras glukosa darah.

SP 7.1.1

KBAT Menilai

The use of certain injections to help with weight loss is gaining increasing attention. These injections can influence hormones involved in appetite control and blood glucose level regulation.

Pada pendapat anda, mengapakah perubahan dalam tindakan hormon tersebut boleh membantu seseorang menurunkan berat badan? TP 5

In your opinion, why can changes in the actions of these hormones help a person lose weight?

2. Seorang pesakit yang mengalami diabetes melitus perlu memantau kepekatan glukosa dalam darah dan mengambil ubat atau insulin seperti yang ditetapkan oleh doktor.

SP 7.1.2

KBAT Menilai

A patient with diabetes mellitus needs to monitor the blood glucose concentration and take medication or insulin as prescribed by the doctor.



Cadangkan kepentingan rawatan tersebut terhadap pengawalan aras glukosa dalam darah pesakit. TP 5

Suggest the importance of the treatment in regulating the blood glucose level of the patient.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. SP 7.2.1 KBAT Menilai

Seorang remaja ditawarkan pil yang dikatakan dapat meningkatkan tenaga dan membolehkannya berjaga sepanjang malam untuk belajar. Dia tidak pasti kandungan pil tersebut tetapi bercadang untuk mencubanya.

A teenager is offered pills that are claimed to increase energy and allow him to stay awake throughout the night to study. He is unsure of the contents of the pills but is considering trying them.

Apakah keputusan yang patut dibuat oleh remaja tersebut? Berikan justifikasi. **TP 5**

What decision should the teenager make? Give a justification.

4. SP 7.2.2 KBAT Mencipta

Sekumpulan remaja merancang untuk mengadakan kempen kesedaran tentang keburukan alkohol dan dadah. Mereka ingin menghasilkan kempen yang bukan sahaja memberikan maklumat, tetapi juga mendorong remaja membuat keputusan yang bijak.

A group of teenagers plans to organise an awareness campaign on the harmful effects of alcohol and drugs. They want to create a campaign that not only provides information but also encourages teenagers to make wise decisions.

Cadangkan satu idea kempen yang sesuai dan jelaskan mengapa idea tersebut berkesan. **TP 6**

Suggest a suitable campaign idea and explain why it would be effective.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis Lanjutan 2

1. Aiman menunggang basikal sejauh 1.8 km dalam masa 6 minit pada waktu pagi. Pada sebelah petang, dia menggunakan laluan yang sama tetapi mengambil masa 9 minit.

SP 11.1.3
KBAT Menilai

Aiman cycles 1.8 km in 6 minutes in the morning. In the afternoon, he uses the same route but takes 9 minutes.



Aiman mendakwa bahawa laju basikalnya pada waktu pagi adalah sama dengan laju pada waktu petang kerana jarak yang dilalui adalah sama. Adakah anda bersetuju dengan dakwaan Aiman? Jelaskan dengan pengiraan yang sesuai.

Aiman claims that his cycling speed in the morning is the same as in the afternoon because the distance travelled is the same. Do you agree with Aiman's claim? Explain using appropriate calculations. **TP 5**

2. Sebuah kereta bergerak dengan laju 10 m s^{-1} ketika menghampiri kawasan sekolah. Apabila melihat papan tanda had laju, pemandu memperlahankan kereta secara seragam sehingga lajunya menjadi 4 m s^{-1} dalam masa 3 saat.

SP 11.1.3
KBAT Menilai

A car is travelling at a speed of 10 m s^{-1} when approaching a school zone. After seeing the speed limit sign, the driver uniformly slows the car down until its speed becomes 4 m s^{-1} in 3 seconds.



Seorang murid mengatakan bahawa kereta itu mengalami pecutan negatif. Tentukan sama ada pernyataan murid tersebut betul dan jelaskan berdasarkan perubahan gerakan kereta.

A student states that the car experiences negative acceleration. Determine whether the student's statement is correct and explain based on the change in the car's motion. **TP 5**

3. Anda mempunyai sebuah kotak polisterina yang digunakan untuk membawa beberapa biji telur dengan menaiki motosikal. Reka cipta satu kotak yang dapat mengurangkan risiko telur pecah apabila motosikal berhenti secara mengejut. Cadangkan reka bentuk tersebut dan jelaskan berdasarkan konsep inersia. **TP 6**

SP 11.4.4
KBAT Mencipta

You have a polystyrene box used to carry several eggs on a motorcycle. Design a box that can reduce the risk of the eggs breaking when the motorcycle suddenly stops. Suggest the design and explain it based on the concept of inertia.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


Kotak polisterina
Polystyrene box


Bekas telur
Egg carton


Span
Sponge


Tisu tebal
Thick tissue


Surat khabar
Newspaper


Pita pelekat
Adhesive tape

4. Dua buah kereta, *P* dan *Q*, bergerak pada halaju yang sama. Kereta *P* mempunyai jisim yang lebih kecil daripada kereta *Q*. Kedua-dua kereta membrek secara mengejut pada masa yang sama.

SP 11.4.1
KBAT Menilai

Two cars, P and Q, are travelling at the same velocity. Car P has a smaller mass than car Q. Both cars suddenly apply their brakes at the same time.



Berdasarkan konsep inersia, bincangkan kereta yang lebih sukar mengubah keadaan pergerakannya. TP 5

Based on the concept of inertia, discuss which car is more difficult to change its state of motion.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.